



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 86

AKTA (PERBADANAN) THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE CONGREGATION OF THE BROTHERS OF MERCY 1972

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA (PERBADANAN) THE SUPERIOR OF THE
INSTITUTE OF THE CONGREGATION OF THE
BROTHERS OF MERCY 1972**

Tarikh Perkenan Diraja 26 September 1972

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 30 September 1972

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1994

Cetakan Semula Yang Kedua 1999

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 86

AKTA (PERBADANAN) THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE CONGREGATION OF THE BROTHERS OF MERCY 1972

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pemerbadanan dan kuasa *Superior*
3. Penggunaan meterai perbadanan
4. Pelantikan
5. Peletakhakan harta Institut
6. Kecualian hak Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan hak orang lain

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 86

AKTA (PERBADANAN) THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE CONGREGATION OF THE BROTHERS OF MERCY 1972

Suatu Akta bagi memperbadankan *the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy*.

[1 Oktober 1972]

BAHAWASANYA *the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy* (kemudian daripada ini disebut “Institut itu”) adalah terlibat dalam menggalakkan kerja perubatan, sosial dan kebajikan di Malaysia;

DAN BAHAWASANYA bagi maksud tersebut, Institut itu telah menubuhkan suatu institusi yang dikenali pada amnya sebagai Hospital Fatimah sekarang di Ipoh di Negeri Perak;

DAN BAHAWASANYA adalah suai manfaat bagi menjalankan dengan lebih baik urusan kewangan institusi tersebut dan mana-mana institusi yang mungkin selepas daripada ini ditubuhkan oleh Institut itu supaya jawatan *Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy* diperbadankan;

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Perbadanan) *the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy* 1972.

Pemerbadanan dan kuasa *Superior*

2. (1) Jawatan *Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy* hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan bernama “The Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy” (dalam Akta ini disebut “Perbadanan itu”).

(2) Perbadanan itu boleh membuat kontrak dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai tersebut boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan itu, dan sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini suatu cap yang mengandungi inskripsi “Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy” boleh digunakan sebagai meterai perbadanan.

(3) Perbadanan itu boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh menjual, memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau menjalankan apa-apa urusan mengenai mana-mana harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan tersebut mengikut apa-apa terma sebagaimana yang didapati patut oleh Perbadanan itu.

Penggunaan meterai perbadanan

3. (1) Tiada surat ikatan, suratan atau surat cara lain yang dimeteraikan dengan meterai Perbadanan itu boleh disifatkan telah dimeteraikan dengan sepatutnya melainkan jika meterai itu telah dicapkan di hadapan orang yang pada masa itu memegang atau memangku jawatan *Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy* atau wakilnya yang diberi kuasa dengan sepatutnya melalui suatu surat kuasa wakil yang didaftarkan di bawah Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [Akta 424], dan melainkan jika surat ikatan, suratan atau surat cara yang lain itu ditandatangani oleh orang itu.

(2) Tandatangan sedemikian hendaklah diterima sebagai keterangan yang mencukupi mengenai pemeteraian sepatutnya bagi surat ikatan, suratan atau surat cara yang lain itu.

Pelantikan

4. Suatu pemberitahuan dalam *Warta* mengenai pelantikan mana-mana orang untuk memegang atau memangku jawatan *Superior* bagi Institut tersebut hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa orang itu telah dilantik sedemikian dengan sepatutnya.

Peletakhakan harta Institut

5. Segala harta alih dan harta tak alih yang terletak di Malaysia yang sebelum ini dipegang, untuk dan oleh Institut, dipindahhakkan, diserahkan, diberikan, dipajakan, dipindahkan hakmilik, dipindahkan kepada atau dengan cara lain diletakhakkan pada Institut itu adalah dengan ini diletakhakkan pada Perbadanan itu dalam keadaan dan tertakluk kepada sekatan sebagaimana yang harta itu dipegang oleh Institut itu.

Kecualian bagi hak Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan hak orang lain

6. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh hak Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja dan Yang di Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, hak segala pertubuhan politik dan perbadanan dan hak orang lain, kecuali hak orang sebagaimana yang disebut dalam Akta ini, dan hak orang yang menuntut melalui, daripada atau di bawah mereka.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 86

**AKTA (PERBADANAN) THE SUPERIOR OF THE
INSTITUTE OF THE CONGREGATION OF THE
BROTHERS OF MERCY 1972**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

— TIADA —

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 86****AKTA (PERBADANAN) THE SUPERIOR OF THE
INSTITUTE OF THE CONGREGATION OF THE
BROTHERS OF MERCY 1972****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari— TIADA —
